

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci proses untuk banduan memfailkan petisyen rayuan memohon belas kasihan di Lembaga Pengampunan serta proses dan anggaran masa untuk Lembaga Pengampunan meneliti setiap petisyen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Peraturan-Peraturan Penjara 2000, petisyen (rayuan) pengampunan boleh dikemukakan oleh banduan sendiri ataupun melalui keluarganya, peguam, NGO dan pihak penjara kepada Lembaga Pengampunan mengikut Peraturan 113 atau 114.

Seseorang banduan hukuman mati yang telah selesai proses rayuan di Mahkamah Persekutuan serta dikekalkan hukuman adalah tertakluk di bawah Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 dan banduan tersebut boleh membuat petisyen (rayuan pengampunan) dengan bebas kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, semasa berada di bawah hukuman itu.

Manakala Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 memberikan hak kepada semua kategori banduan yang telah dijatuhkan hukuman penjara dan/atau sebatan untuk mengemukakan petisyen (rayuan pengampunan) kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, sama ada berhubung dengan sabitan ataupun hukuman yang telah dikenakan kepada banduan sebaik sahaja banduan dikenakan sabitan oleh Mahkamah, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam peraturan tersebut.

Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali (KHETS) di bawah Peraturan 54, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 merupakan kes-kes yang dibawa oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi banduan-banduan yang dijatuhkan hukuman lebih daripada 7 tahun tempoh pemenjaraan. Jabatan Penjara Malaysia akan mengemukakan kes-kes banduan setiap 4 tahun tempoh pemenjaraan banduan tersebut, iaitu pada tahun ke-4, ke-8, ke-12, ke-16 tempoh pemenjaraan dan setiap tahun selepas 16 tahun tempoh pemenjaraan tersebut.

Petisyen (rayuan pengampunan) tersebut hendaklah dikemukakan kepada urus setia Lembaga Pengampunan Negeri yang bertanggungjawab berdasarkan lokasi di mana kesalahan jenayah tersebut dilakukan.

Perkara 42(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa untuk memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum adalah kuasa mutlak Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Sekian, terima kasih.